

AL-IKHSAN perluaskan empayar

Oleh ABD. HALIM HADI
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 1 Dis. - Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) bakal memerlukan rangkaian syarikat barang sukan nombor satu negara iaitu Al-Ikhsan Sports Sdn. Bhd. (Al-Ikhsan) selepas mengambil alih ekuiti sebanyak 35 peratus dalam syarikat itu.

Rancangan itu termasuk penerokaan pasaran baharu di peringkat global serta pembukaan empat *megastore* di Kuala Lumpur dan Perlis serta enam cawangan di Sabah dan Sarawak dalam tempoh dua tahun akan datang.

Keyakinan melalui pelaburan di dalam sektor peruncitan sukan itu didorong oleh permintaan yang tinggi dalam kalangan rakyat negara ini dalam aktiviti sukan, kesihatan dan kecerdasan.

Pemilik dan juga Pengasas al-Ikhsan, Ali Hassan Mohd. Hassan berkata, beliau menyambut baik penglibatan Ekuinas untuk menjayakan usaha memperluas rangkaian dan mengukuhkan prestasi syarikat itu.

"Sebagai syarikat peruncitan su-

kan terbesar di negara ini, al-Ikhsan berada pada kedudukan terbaik untuk terus berkembang ke peringkat lebih tinggi.

"Melalui pemerolehan ini, kami harap dapat memanfaatkan kekuatan Ekuinas untuk mengembangkan lagi potensi perniagaan khususnya ke peringkat global," katanya ketika ditemui di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Ekuinas pada Julai lalu mengumumkan penglibatan sulungnya dalam perniagaan peruncitan sukan melalui pengambilalihan ekuiti al-Ikhsan sebanyak 35 peratus pada nilai RM68.6 juta.

Urus niaga itu merangkumi pengambilalihan kepentingan 100 peratus jenama pakaian sukan keluaran al-Ikhsan iaitu *AL Sports*.

Ekuinas pemerolehan oleh syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian milik kerajaan itu, Ali Hassan berkata syarikatnya kini dalam proses menstruktur semula organisasi syarikat sebagai persediaan untuk melonjak ke tahap yang lebih tinggi.

"Kami berharap penglibatan Ekuinas itu akan membantu al-Ikhsan terutama dalam aspek pe-



Melalui pemerolehan ini, kami harap dapat memanfaatkan kekuatan Ekuinas untuk mengembangkan lagi potensi perniagaan ke peringkat global."

ALI HASSEN MOHD. HASSEN
Pengasas al-Ikhsan

ngurusan sumber manusia dan memperkuatkan lagi rangkaian perniagaan.

"Melalui kerjasama ini, saya harap idea-idea yang selama ini tertangguh kerana kekangan kepakaran sumber manusia dapat direalisasikan sepenuhnya," kata beliau.

Bahkan, katanya, penglibatan Ekuinas di dalam al-Ikhsan juga disambut baik oleh pengeluar produk antarabangsa yang menunjukkan keyakinan terhadap pengetahuan dan teknologi yang dimiliki.

Sementara itu katanya, sebagaimana "wakil" Malaysia di pelbagai peringkat pertemuan dengan pengeluar produk antarabangsa, peluang yang ada turut digunakan untuk mendapatkan harga yang berpatutan bagi pasaran tempatan.

"Pengeluar-pengeluar produk memberi sokongan yang baik terhadap penglibatan ini bahkan mereka yakin al-Ikhsan akan terus menjuarai pasaran.

"Sebagai syarikat (peruncitan sukan) terbesar di negara ini dan terlibat dalam banyak mesyuarat global dengan wakil produk, saya nampak hal tuju dan yakin industri ini mempunyai potensi untuk dikembangkan," katanya.

Sementara itu katanya, sebagaimana "wakil" Malaysia di pelbagai peringkat pertemuan dengan pengeluar produk antarabangsa, peluang yang ada turut digunakan untuk mendapatkan harga yang berpatutan bagi pasaran tempatan.

"AL-IKHSAN sentiasa berjuang untuk mendapatkan harga terendah bagi setiap produk kerana kami menghargai pelanggan.

"Atas kelebihan rangkaian cawangan yang kami ada, kebanyakan pengeluar produk 'aku' dan berikan harga istimewa kerana kami membeli dalam jumlah yang besar," tambahnya.

Namun, katanya, kelebihan yang dimiliki syarikatnya itu tidak disediari oleh kebanyakan pengguna sehingga ada yang menuduh syarikatnya menjual produk tiruan kerana harga yang murah berbanding harga pasaran.

"Setiap pengeluar produk mempunyai piawaian yang ketat terhadap barang mereka. Mana mungkin kami jual barang tiruan dan mampu bertahan sehingga hari ini," katanya.

Syarikat yang mula bertapak di Johor Bahru pada 1993 itu kini menguasai 36 peratus pasaran dalam industri peruncitan sukan pelbagai jenama termasuk empat jenama premium iaitu Nike, Adidas, Puma dan Asics.

Al-Ikhsan mencatat pendapatan sebanyak RM257 juta pada tahun lalu dan pada tahun ini syarikat mensasarakan pertumbuhan pada kadar kira-kira 10 peratus.

Dari kampus ke pentas perniagaan global

KUALA LUMPUR 1 Dis. - Bermula dengan premis perniagaan yang diusahakan secara kecil-kecilan kira-kira 23 tahun lalu, syarikat al-Ikhsan berkembang menjadi peneraju terkemuka dalam bidang peruncitan barang sukan di negara ini.

Berkat kegigihan dan keberanian meneroka dunia peruncitan komersial bukan sahaja membuka kejayaan bahkan membuat keupayaan usahawan bumiputera bersaing dalam sektor yang dimonopoli kaum lain.

Pada hari ini, perniagaan al-Ikhsan yang mempunyai 116 cawangan di seluruh negara bukan lagi nama asing khususnya dalam kalangan mereka yang mengejutkan.

Sebaliknya perniagaan yang gah terbita itu, pemiliknya Ali Hassan Mohd. Hassan mengakui lebih berbangga atas kejayaan syarikatnya dalam menyentuh semangat dan motivasi golongan usahawan bumiputera terutamanya berjaya dalam perniagaan.

Walaupun situasi itu mungkin berlaku secara kebetulan katanya, kejayaan al-Ikhsan sedikit mengejutkan ahli ahli politik dan ahli akademik yang terlibat dalam perniagaan.

"AL-IKHSAN sentiasa berjuang untuk mendapatkan harga terendah bagi setiap produk kerana kami menghargai pelanggan.

"Atas kelebihan rangkaian cawangan yang kami ada, kebanyakan pengeluar produk 'aku' dan berikan harga istimewa kerana kami membeli dalam jumlah yang besar," tambahnya.

Namun, katanya, kelebihan yang dimiliki syarikatnya itu tidak disediari oleh kebanyakan pengguna sehingga ada yang menuduh syarikatnya menjual produk tiruan kerana harga yang murah berbanding harga pasaran.

"Setiap pengeluar produk mempunyai piawaian yang ketat terhadap barang mereka. Mana mungkin kami jual barang tiruan dan mampu bertahan sehingga hari ini," katanya.

Syarikat yang mula bertapak di Johor Bahru pada 1993 itu kini menguasai 36 peratus pasaran dalam industri peruncitan sukan pelbagai jenama termasuk empat jenama premium iaitu Nike, Adidas, Puma dan Asics.

Pengalaman Ali Hassan berniaga bermula pada 1993 ketika beliau sedang menuntut di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) selepas menyedari wujudnya permintaan terhadap pakaian sukan tetapi sukar mendapatkan produk yang baik di pasaran.

"Saya mula berniaga di kampong dengan premis perniagaan yang diusahakan secara kecil-kecilan kira-kira 23 tahun lalu, syarikat al-Ikhsan berkembang menjadi peneraju terkemuka dalam bidang peruncitan barang sukan di negara ini.

"Berbekalkan sedikit modal yang dikumpul semasa bermula di kampong, saya membuka kedai pertama di Holiday Plaza, Johor Bahru selepas tamat pengajian.

"Alhamdulillah, perniagaan tersebut berkembang sehingga ke tahap pada hari ini," ujar Ali Hassan.

Ali Hassan berkata, selain bergantung kepada jualan di premis perniagaannya, strategi meningkatkan jualan ketika itu banyak dilakukan melalui jaluan secara korporat kepada jabatan dan agensi kerajaan.

Ali Hassan mengakui nama al-Ikhsan menjadi popular selepas menjadi *trendsetter* dalam pasarannya kerana menawarkan produk-produk yang unik pada harga lebih murah.

"Konsep perniagaan al-Ikhsan berteraskan prinsip perkhidmatan terbaik untuk pelanggan. Melalui konsep itu, kami tampil dengan produk-produk terkini dan unik.


"Bahkan kami juga sentiasa menjadi yang pertama di pasaran misalnya dalam penjualan jersi replika, segmen pakaian sukan untuk wanita dan jualan kasut berjenama untuk kanak-kanak," ujarnya.

Ujarnya beliau, keunikan produk seperti jersi pasukan bola sepak Liga Perdana Inggeris (EPL) yang dijual di premisnya di Johor Bahru ketika itu terjual seperti goreng pisang panas sehingga dibanjiri pelanggan dari seluruh negara.

Tambahnya, permintaan yang tinggi daripada pelanggan dari Lembah Klang memberi peluang kepada syarikat untuk membuka cawangan al-Ikhsan pertama di Kuala Lumpur iaitu di Bukit Bintang Plaza selepas kira-kira tiga tahun beroperasi.

Berkongsi rahsia kejayaannya, Ali Hassan mengakui antara prinsip yang diajarkan adalah memberi fokus sepenuhnya kepada sesuatu bidang tanpa mudah beralih arah.

"Kekal pada matlamat utama, jangan sekali tersasar dari landasan dan paling penting kena jaga tuntutan agama dan berbuat baik kepada ibu bapa," ujar anak kelahiran Skudai, Johor itu.



PREMIS perniagaan barang sukan al-Ikhsan berwajah baru yang lebih menarik.